

(24 April 2011) Bina Nanas, p. 8

Pihak sekolah tolak SMK Convent Bukit Nanas jadi tapak warisan

KUALA LUMPUR - Jabatan Warisan Negara telah berusaha untuk mewartakan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Bukit Nanas di sini sebagai tapak warisan sejak 2008 tetapi tidak dapat diteruskan berikutan ada bantahan.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jabatan itu memulakan proses pengumpulan maklumat dan dokumen berkaitan bagi tujuan pewartaan sekolah tersebut di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada Mei 2008 setelah mengambil kira justifikasi sejarah, seni bina dan signifikan sekolah berkenaan.

Bagaimanapun pada 12 Julai 2010, pihak pemegang amanah sekolah berkenaan

telah menghantar Notis Bantahan kepada Pesuruhjaya Warisan, dan susulan itu satu sesi pendengaran diadakan pada 8 April 2011 bagi pemegang amanah menjelaskan alasan bantahan mereka.

“Pada 21 Julai 2011, setelah Pesuruhjaya Warisan memperhalusi dan mempertimbangkannya maka Pesuruhjaya Warisan memutuskan untuk tidak meneruskan penetapan sekolah tersebut sebagai tapak warisan di bawah Akta 645,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab persoalan berhubung ketiadaan usaha kerajaan untuk mewartakan



NANCY

SMK Convent Bukit Nanas sebagai tapak warisan di bawah Akta 645, mengambil kira kepentingan sumbangan sekolah itu kepada pendidikan negara sejak 1899.

Nancy berkata, kementerian-nya mengalu-alu-

kan pemegang amanah menimbang dan mencalonkan SMK Convent Bukit Nanas untuk diwartakan sebagai tapak warisan bagi tujuan memulihara, memelihara dan melindungi warisannya.

Katanya, penetapan sebagai tapak warisan tidak akan menjejaskan pemilikan, jagaan dan pentadbiran tapak. - *Bernama*